

11 JAN 1999

Abdullah-Mesra

KDN AKAN AMAL PENTADBIRAN MESRA RAKYAT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan mengamalkan pentadbiran yang lebih mesra kepada rakyat.

Katanya beliau memikul harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mewujudkan pentadbiran mesra rakyat dengan memberi perhatian kepada masalah yang dikemukakan oleh rakyat dan mengambil tindakan segera bagi menanganinya.

"Beliau (Dr Mahathir) mengharapkan jabatan-jabatan di bawah KDN akan mengamalkan sikap yang lebih mesra dengan rakyat... pada saya tidak ada masalah untuk melaksanakan pendekatan itu," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini petang ini.

Pada perjumpaan kira-kira setengah jam itu, Abdullah yang baru dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri telah diberi taklimat ringkas oleh Dr Mahathir mengenai tugas-tugasnya secara am bagi kedua-dua jawatan yang baru disandangnya itu.

Abdullah, yang sebelum ini Menteri Luar, berkata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali akan memperincikan kepada beliau mengenai tugas-tugasnya sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pada perjumpaan itu Perdana Menteri turut memberitahu Abdullah mengenai keanggotaannya dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang bermesyuarat setiap hari bekerja kecuali hari Rabu kerana Kabinet mengadakan mesyuarat mingguan pada hari berkenaan.

Perdana Menteri bagaimanapun tidak menyatakan kedudukan dan jawatan beliau dalam MTEN melainkan sebagai anggota Exco MTEN dan Exco majlis itu akan bermesyuarat apabila Dr Mahathir ada untuk mempengeruskannya, katanya.

"Saya berjanji akan memberi perhatian kepada usaha-usaha melaksanakan apa juga keputusan yang dibuat oleh kerajaan ataupun oleh MTEN. Ini penting kerana keputusan-keputusan yang dibuat mesti dilaksanakan secepat mungkin supaya apa juga niat dan tujuan yang kita ingin perolehi daripada keputusan yang dibuat itu dapat diperolehi dengan tindakan segera," katanya.

Abdullah berkata, beliau membuat tanggapan bahawa Dr Mahathir sungguh memberi keutamaan kepada tindakan kerajaan memulihkan ekonomi apabila Perdana Menteri memulakan perbincangan dengan menyebut tentang MTEN dan perkara-perkara yang berkaitan dengan mesyuarat majlis itu.

Katanya, beliau akan masuk ke pejabat Timbalan Perdana Menteri apabila pejabat itu dikosongkan. Bagaimanapun, katanya, beliau boleh berfungsi dengan menggunakan pejabat di KDN.

Sementara itu Umno Bahagian Cheras berkata pelantikan Abdullah sebagai Timbalan Perdana Menteri menepati kehendak majoriti rakyat dan para anggota Umno sesuai dengan perwatakan beliau yang sederhana dalam Umno dan kerajaan.

"Umno bahagian Cheras percaya dan yakin Pak Lah (Abdullah) akan tampil menjadi Timbalan Perdana Menteri yang bersikap terbuka dan telus atas sebarang teguran dan pandangan daripada rakyat," kata Ketua Umno bahagian itu Syed Ali Alhabshee.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan hari ini Syed Ali berkata, keperibadian Abdullah sudah lama terbukti sebagai seorang pemimpin yang mudah didekati oleh sesiapa sahaja selain bersedia mendengar pandangan dan teguran daripada pelbagai pihak.

Katanya penanggguhan pemilihan parti pada tahun ini akan membolehkan Abdullah menumpukan perhatian kepada persiapan dan persediaan jentera parti bagi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang turut menyambut baik kenyataan Abdullah bahawa beliau sedia mendengar dari semua pihak, berharap pihak berkuasa lebih toleran dan bersikap terbuka mendengar dan memberi reaksi secara adil dan penuh rasional terhadap pandangan rakyat.

"Kesediaan mendengar pandangan pelbagai pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti pembangkang, amatlah dialu-alukan dan diharap ia dapat dilaksanakan dengan segera dan terbuka demi kepentingan dan perpaduan negara," kata Presiden ABIM Ahmad Azam Abdul Rahman dalam satu kenyataan.

Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) ketika mengucapkan tahniah kepada Abdullah atas pelantikannya sebagai TPM turut berkata bahawa kalangan perniagaan berasa sangat gembira dengan pelantikan itu kerana pengalamannya yang luas akan dapat membantu dalam usaha membawa kestabilan politik dan ekonomi negara.

"Kami yakin Datuk Seri Abdullah akan dapat membantu Perdana Menteri dalam usaha negara memulihkan ekonomi dan membebaskan ekonomi Malaysia daripada kegawatan sekarang," kata Presiden NCCIM Tan Sri Tajuddin Ramli dalam satu kenyataan.

NCCIM juga mengucapkan tahniah kepada Dr Mahathir atas pelantikan Abdullah.

-- BERNAMA

AFY MNY AHH NMO